

## **KESAN PENGGUNAAN TEKNIK “2P” BERBANTUKAN VARIASI LEMBARAN KERJA DALAM MENGATASI MASALAH KESILAPAN MENULIS HURUF BESAR DAN HURUF KECIL MURID TAHUN EMPAT**

Oleh

**Syed Mohd Solehin bin Wan Sarip**  
syed\_lihin@yahoo.com

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengetahui kesan teknik “2P” berbantuan variasi lembaran kerja yang dilaksanakan secara ansur maju dalam membantu murid Tahun Empat mengatasi masalah kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil. Peserta dalam kajian ini terdiri daripada seorang murid Tahun Empat iaitu Nash (nama samaran). Selain itu, saya juga merupakan peserta kajian kerana kajian ini bertujuan untuk menambah baik amalan sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Teknik pengumpulan data terdiri daripada analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Analisis kandungan dan analisis pola merupakan teknik analisis data yang digunakan dalam kajian ini. Untuk penyemakan data, triangulasi sumber dan triangulasi kaedah digunakan. Analisis data mendapati Nash tidak lagi melakukan kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil semasa menulis perkataan dalam ayat Bahasa Melayu selepas penggunaan teknik “2P” berbantuan variasi lembaran kerja. Di samping itu, kajian ini menambah baik amalan saya dalam pengajaran Bahasa Melayu melalui penggunaan teknik “2P”.*

*Kata kunci: Teknik “2P”, variasi lembaran kerja, ansur maju, huruf besar dan huruf kecil, murid Tahun Empat*

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to examine the effects of “2P” technique aided by variation of worksheets used developmentally in helping a Year Four pupil overcome his mistakes in writing capital and small letters. The participant in this study consisted of a Year Four pupil named Nash (pseudonym). This study also aimed to improve my practices in teaching Malay Language. Data collection technique consisted of document analysis, observation and interviews. Content analysis and pattern analysis were used in analysing data. Triangulation of sources and methods were used to check the credibility of data. Analysis of the data showed that Nash no longer make mistakes in writing capital and small letters when writing Malay Language sentences after the implementation of “2P” technique supported by variation of worksheets. Besides that, I improved my teaching practices related to Malay Language.*

*Keywords: “2P” technique, worksheets, developmental approach, capital and small letters, Year Four pupil*

## **PENGENALAN**


### **Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran**

Saya merupakan seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang yang sedang menjalani latihan keguruan. Saya mengambil kursus Program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Pengajian Melayu. Pengalaman praktikum yang telah dilalui sebanyak tiga fasa. Setelah menjalani praktikum Fasa Satu dan praktikum Fasa Dua, banyak pengalaman yang telah saya lalui. Hal ini kerana, sepanjang menjalani kedua-dua praktikum tersebut, saya masih dalam mempelajari pelbagai kaedah serta teknik yang efektif untuk pengajaran dan pembelajaran. Saya telah menggunakan pengalaman tersebut untuk menempuhi praktikum Fasa Tiga.

Tempoh praktikum Fasa Tiga lebih panjang iaitu selama tiga bulan. Melalui pengalaman saya, saya mendapati pengajaran untuk mata pelajaran Bahasa Melayu smementingkan tiga kemahiran asas. Tiga kemahiran asas tersebut ialah kemahiran lisan, membaca dan menulis. Antara tiga kemahiran asas tersebut, kemahiran yang sering menimbulkan kekeliruan kepada murid-murid ialah kemahiran menulis. Kebiasaannya, untuk murid tahap sekolah rendah, kekeliruan atau kesilapan murid dalam bidang penulisan ialah meletakkan huruf besar di belakang atau di tengah ayat, tulisan yang tidak kemas dan teknik penulisan yang salah semasa dalam kelas. Semasa praktikum, satu isu sama telah dikesan berlaku dalam kalangan murid di sekolah. Isu tersebut ialah kesilapan meletakkan huruf besar di tengah dan di belakang ayat untuk perkataan yang bukan "Kata Nama Khas". Isu ini mesti diambil perhatian sepenuhnya oleh guru Bahasa Melayu kerana penerapan kemahiran menulis penting supaya murid dapat menjawab soalan penulisan dalam Bahasa Melayu.

### **Isu Keprihatinan**

Semasa praktikum Fasa Tiga di SK Gitar Ibanez (pseudonim), seorang murid kelas saya dikesan mengalami masalah dalam bidang penulisan seperti yang berlaku di sekolah tempat saya menjalani praktikum Fasa Satu dan Fasa Dua. Murid tersebut sering silap dalam menulis huruf besar atau huruf kecil pada permulaan perkataan. Rajah 1 menunjukkan beberapa contoh kesilapan penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam membina ayat seorang murid yang dinamakan sebagai Nash (nama samaran).



Rajah 1. Kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil dilakukan oleh Nash (15, 20 dan 23 Februari 2012).

Berdasarkan kepada isu tersebut, saya membuat keputusan untuk membantu Nash mengurangkan kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil dalam aspek membina ayat Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik "2P". Variasi lembar kerja turut diberikan kepada Nash untuk membantunya dalam mengurangkan kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil semasa membina ayat Bahasa Melayu

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- mengurangkan kesilapan menulis huruf besar atau huruf kecil dalam membina ayat Bahasa Melayu melalui penggunaan teknik "2P" berbantuan variasi lembaran kerja murid Tahun Empat, dan
- menambah baik amalan sendiri dalam p&p untuk kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil semasa membina ayat Bahasa Melayu murid Tahun Empat melalui penggunaan teknik "2P" berbantuan variasi lembaran kerja.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- Apakah kesan penggunaan teknik "2P" berbantuan variasi lembaran kerja terhadap penulisan huruf besar dan huruf kecil semasa membina ayat Bahasa Melayu bagi murid Tahun Empat?
- Bagaimanakah penggunaan teknik "2P" berbantuan variasi lembaran kerja menambah baik amalan sendiri dalam pengajaran huruf besar dan huruf kecil semasa membina ayat Bahasa Melayu?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Teknik Pelaziman Operan Skinner (1951) adalah sesuai untuk menambah baik tingkah laku manusia iaitu bertujuan untuk menggantikan pola tingkah laku yang tidak diinginkan dengan pola yang diinginkan. Teori Pelaziman Operan Skinner diaplikasikan dalam penggunaan lembaran kerja teknik "2P". Teknik "2P" merupakan ringkasan daripada perkataan "Pengukuhan dan Peneguhan". Berpandukan Teori Pelaziman Operan skinner, saya telah merancang bentuk pengukuhan dan peneguhan yang sesuai dalam membantu masalah peserta kajian saya. Teknik "2P" diaplikasikan dalam bentuk latihan menulis huruf besar dan huruf kecil untuk abjad "Aa" hingga "Zz".

### **Pelaksanaan Tindakan**

Teknik "2P" dilakukan daripada 19 Mac sehingga 26 April 2012. Beberapa siri tindakan telah diambil seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.

Jadual 1

*Jadual Pelaksanaan Tindakan*

Bil	Rancangan	Tarikh
1	Tindakan 1 : Menulis huruf berpandu	19 Mac 2012
2	Tindakan 2 : Mewarna huruf	20 Mac 2012
3	Tindakan 3 : Menyusun perkataan	29 Mac 2012
4	Tindakan 4 : Memilih perkataan yang sesuai	2 April 2012
5	Tindakan 5 : Mengisi tempat kosong	5 April 2012
6	Tindakan 6 : Mengisi tempat kosong	16 April 2012
7	Tindakan 7 : Membina ayat	19 April 2012
8	Tindakan 8 : Menanda ayat yang betul	23 April 2012
9	Tindakan 9 : Membulatkan penggunaan huruf yang salah	24 April 2012
10	Tindakan 10 : Menjawab soalan pemahaman	25 April 2012
11	Tindakan 11 : Membina ayat berdasarkan gambar	26 April 2012

Daripada Jadual 1, variasi lembaran kerja telah digunakan bermula dengan lembaran kerja menulis huruf berpandu pada 19 Mac 2012. Selepas itu, lembaran kerja mewarna huruf dibuat oleh Nash pada 20 Mac 2012. Untuk tindakan seterusnya, Nash diminta membuat lembaran kerja menyusun perkataan pada 29 Mac 2012, lembaran kerja mengisi tempat kosong pada 5 dan 16 April 2012, lembaran kerja membina ayat pada 19 April 2012, lembaran kerja menanda ayat yang betul pada 23 April 2012, lembaran kerja membulatkan penggunaan huruf yang salah pada 24 April 2012, lembaran kerja menjawab soalan pemahaman pada 25 April 2012 dan lembaran kerja membina ayat berdasarkan gambar pada 26 April 2012. Kesemua lembaran kerja tersebut telah dibuat oleh Nash mengikut perancangan waktu yang telah dirangka oleh saya.

## **METODOLOGI**

**Peserta Kajian** Menurut Elliott dan Adelman (1976), penyelidikan tindakan adalah suatu pendekatan yang merupakan usaha untuk meningkatkan mutu profesionalisme guru. Ia merupakan penyelidikan terhadap situasi sosial di sekolah dengan tujuan untuk memperbaiki kualiti amalan guru. Dalam kajian ini, peserta kajian adalah terdiri daripada diri saya sendiri dan seorang murid Tahun 4 iaitu Nash. Nash merupakan seorang murid yang aktif di dalam kelas. Nash sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap sesi P&P serta sentiasa memberikan respons apabila disoal, dia juga sering mengikuti setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh guru.

### **Etika Penyelidikan**

Pada mulanya, pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang telah menghantar surat permohonan mendapatkan kebenaran daripada pihak pengurusan SK Gitar Ibanez untuk melaksanakan kajian ini. Saya kemudian meminta kebenaran peserta kajian untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Saya telah memberikan penerangan bahawa saya merahsiakan identiti peserta kajian dan memberikan kebenaran kepada peserta kajian untuk menarik diri jika tidak selesa dengan kajian ini. Saya juga turut meminta kebenaran bertulis daripada ibu peserta kajian agar membenarkan anaknya melibatkan diri dalam kajian ini.

### **Teknik Mengumpul Data**

Terdapat beberapa kaedah mengumpul data yang telah saya gunakan iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual.

### **Pemerhatian**

Melalui pemerhatian, saya menggunakan catatan lapangan tidak berstruktur. Dalam hal ini, saya telah membuat catatan tindakan peserta kajian. Aspek yang saya catatkan ialah reaksi peserta kajian semasa menerima setiap helaian kerja yang berlainan aras, menjawab soalan yang terdapat dalam lembaran kerja, reaksi sesi menyemak hasil jawapan bersama saya dan reaksi apabila diminta melengkap teknik "2P" secara berulang-ulang. Rajah 2 menunjukkan contoh nota lapangan saya pada 19 Mac 2012.

Nama Peserta : Nash				
Nama Pencatat : Syed Mohd Solehin Bin Wan Sarip				
Bil	Tarikh/Hari	Masa / Tempat	Latihan	Catatan
3	2 April 2012 (Isnin)	0955-1010 Pagi / Kelas 4 Bersatu	Menulis Huruf (Teknik 2P) dan Memilih perkataan yang sesuai	<b>Nash mula menulis huruf besar dan huruf kecil bermula A hingga Z sebagai peneguhan sebelum membuat lembaran kerja seterusnya. Nash diminta untuk mewarna perkataan yang sesuai untuk mengingatkan dia bentuk perkataan dengan penulisan huruf yang betul. Sewaktu menyemak hasil kerja Nash, saya berpuas hati namun huruf "t" masih dalam keadaan yang kurang memuaskan penulisannya.</b>

Rajah 2 Nota lapangan saya (19 Mac 2012).

## Temu bual

Proses Temu bual telah dijalankan secara individu iaitu antara saya dan peserta kajian. Temu bual dijalankan selepas pelaksanaan tindakan yang terakhir iaitu selepas menyemak lembaran kerja bilangan yang ke-11. Transkrip berikut merupakan temu bual separa berstruktur yang dijalankan pada 26 April 2012 merupakan contoh temu bual antara saya dengan Nash. Transkrip tersebut telah ditunjukkan kepada peserta kajian pada 27 April 2012 dan saya meminta beliau membaca semula transkrip tersebut untuk memastikan apa yang saya tulis adalah apa yang disampaikan semasa temu bual.

- Saya : Mengapa saya puji awak sejak Isnin yang lepas?*  
*Nash : Sebab saya sikda polah salah.(terjemahan : Sebab saya tidak ada melakukan kesilapan)*  
*Saya : Kesilapan apa?*  
*Nash : Salah tulis huruf **time** molah latihan. (terjemahan : Salah tulis huruf semasa membuat latihan.*  
*Saya : Adakah sekarang awak masih mengulangi kesilapan awak?*  
*Nash : Tidak*  
*Saya : Kenapa?*  
*Nash : Nanti cikgu suruh saya tulis huruf A sampe Z. (terjemahan : Nanti cikgu suruh saya tulis huruf A sampai Z)*

Nash (TB02):260412

## Analisis dokumen

Saya telah menyemak latihan-latihan yang telah diberikan kepada Nash. Latihan disemak untuk melihat perkembangan peserta kajian. Rajah 3 menunjukkan satu contoh lembaran kerja iaitu lembaran kerja 3 yang dibuat oleh Nash pada 29 Mac 2012.

Arahan : Susun semula perkataan berikut membentuk satu ayat tunggal.

Nama	_____	_____	_____	_____
Nama saya Nash.				
NO	_____	_____	_____	_____
Umur saya 10 tahun.				
_____	_____	_____	_____	_____
Hobi saya bermain bola sepak.				
_____	_____	_____	_____	_____
Mama saya ialah Jurutera.				
_____	_____	_____	_____	_____
Tarikh lahir saya ialah 23 September 2002.				

Rajah 3. Lembaran kerja (29 Mac 2012).

Setiap lembaran kerja yang diberikan kepada peserta kajian disemak sebaik sahaja peserta kajian menyiapkannya. Saya telah berbincang dengan peserta kajian jawapan yang telah dibuat. Hal ini kerana, jika jawapan dipersetujui, peserta kajian seterusnya akan menjawab soalan teknik “2P”.

### Teknik Menganalisis Data

Untuk menganalisis data, saya telah menggunakan analisis kandungan dan analisis pola bagi melihat perkembangan Nash.

### Analisis kandungan

Analisis kandungan, lembaran kerja dibuat untuk melihat kesalahan menulis yang memfokuskan kesilapan penggunaan huruf besar atau huruf kecil. Rajah 4 menunjukkan contoh analisis kandungan hasil kerja yang dibuat oleh peserta kajian saya.

The image shows a handwritten letter on a grid background. Two instances of the letter 's' are circled in red: one at the beginning of the first sentence and one at the end of the last sentence. A red arrow points from the first circle to a callout box on the right, and another red arrow points from the second circle to the same box. The callout box contains the text: 'Kesalahan menulis huruf "s" kecil. Sepatutnya huruf "S" besar digunakan untuk menulis perkataan ini.'

Rajah 4. Lembaran kerja yang mengandungi kesilapan menulis huruf “s” kecil.

Berdasarkan Rajah 4, saya menyemak hasil kerja peserta kajian dengan mencari kesalahan yang dilakukan. Setelah hasil kerja peserta kajian diteliti dengan menyemak hasil kerjanya, saya membuat catatan nota lapangan dan menulis kekerapan kesilapan serta huruf yang salah ke dalam borang senarai semak.

### Analisis pola

Analisis pola dibuat berdasarkan analisis kandungan yang mana dapatan tersebut di isi pada borang senarai semak. Jadual 2 menunjukkan dapatan yang diperoleh setelah analisis kandungan dibuat pada variasi lembaran kerja Nash.

Jadual 2

Senarai Semak Kekerapan dan Kesilapan Huruf Menulis Perkataan

Bil	Lembaran Kerja (Tarikh)	Kekerapan Kesilapan	Kesilapan Huruf	Catatan Nota Lapangan
1	Lembaran Kerja 3 29 Mac 2012	4	"k","c","j" dan "t"	Penulisan huruf "t" tidak kemas
2	Lembaran Kerja 4 2 April 2012	3	"t"	Huruf "t" tidak kemas
3	Lembaran Kerja 6 16 April 2012	2	"S" dan "s"	Kesilapan menulis huruf "S" besar dan "s" kecil.

Berdasarkan jadual 2, pola persamaan kesalahan dikenalpasti, sebagai contoh, kesalahan huruf "t" untuk lembaran kerja 3 dan 4 manakala pola perbezaan ialah kesilapan huruf "k","c","j"(Lembaran kerja 4), "t" (Lembaran kerja 3) dan "S","s" (Lembaran kerja 6).

### Teknik Menyemak Data

Saya telah memilih dua cara yang relevan dengan kajian untuk menyemak data iaitu triangulasi sumber dan triangulasi kaedah.

### Triangulasi sumber

Triangulasi sumber telah dilakukan melalui kolaborasi dengan rakan penyelidik, Patrice Ann anak Abot (dengan izin) serta guru-guru pembimbing. Dalam hal ini, penyemakan hasil kerja peserta kajian dibuat oleh saya terlebih dahulu dengan membuat penandaan. Setelah itu, saya meminta rakan kolaborasi menyemak hasil kerja murid untuk membandingkan hasil penyemakan.

### Triangulasi kaedah

Untuk triangulasi kaedah, saya telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan variasi lembaran kerja. Pemerhatian hasil kerja Nash dibuat setelah setiap lembaran kerja yang diedarkan disiapkan olehnya. Manakala temubual telah dibuat setelah semua tindakan dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas yang diberikan oleh Nash berkenaan kajian ini, seterusnya, analisis dokumen telah dibuat untuk mengenal pasti kesalahan kesilapan penulisan huruf yang dilakukan oleh Nash.

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

- **Apakah kesan penggunaan teknik "2P" berbantuan variasi lembaran kerja terhadap penulisan huruf besar dan huruf kecil semasa membina ayat Bahasa Melayu bagi murid Tahun Empat?**

Berdasarkan data yang dikumpul dan dianalisis, teknik "2P" didapati membantu peserta kajian saya mengatasi masalah kesilapan penggunaan huruf besar atau huruf kecil dalam menulis permulaan huruf pada perkataan semasa membina ayat atau menjawab soalan pemahaman. Hal ini kerana, selepas tindakan memberikan lembaran kerja teknik "2P" yang dilakukan sebelum mengagihkan lembaran kerja



seterusnya, saya mendapati Nash semakin kurang melakukan kesilapan penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam menulis perkataan sewaktu menjawab soalan lembaran kerja. Ini boleh ditunjukkan pada jadual 3.

Jadual 3  
Kekerapan dan Kesilapan Huruf Menulis Perkataan

Bil	Lembaran Kerja (Tarikh)	Kekerapan Kesilapan	Kesilapan Huruf
1	Lembaran Kerja 3 29 Mac 2012	4	"k", "c", "j" dan "t"
2	Lembaran Kerja 4 2 April 2012	3	"t"
3	Lembaran Kerja 6 16 April 2012	2	"S" dan "s"

Berdasarkan Jadual 3, Nash telah melakukan empat kesilapan sewaktu melakukan lembaran kerja 3. Manakala lembaran kerja 4, Nash telah melakukan tiga kesilapan dan terus berkurangan semasa membuat lembaran kerja 6 iaitu sebanyak dua kesilapan. Angka kesilapan menurun setelah penggunaan teknik "2P".

Selain itu, Nash tidak mengalami kesilapan walaupun saya sengaja memberikan pilihan jawapan dengan memulakan huruf besar untuk setiap perkataan. Ini adalah untuk menguji kefahaman Nash berkenaan waktu penggunaan huruf dengan betul untuk sesuatu perkataan. Hasil kerja lembaran kerja lima ditunjukkan pada Rajah 5.

Isi tempat kosong berdasarkan kata kerja yang berikut :

Berlari	Menarik	Memancing
Makan	Meniup	Menangis

1. Maria berlari dengan pantas.
2. Azwa meniup belon.
3. Diana menangis kerana dipukul oleh abangnya.
4. Ismail suka makan buah anggur.
5. Hobi Julaihi ialah memancing ikan.
6. Usop menarik tali yang digunakan untuk mengikat sejambak bunga.

Rajah 5. Hasil kerja lembaran kerja 5 Nash (5 April 2012).

Sebelum membuat lembaran kerja yang seterusnya, saya telah meminta Nash untuk membuat lembaran kerja teknik "2P". Hasilnya memberangsangkan kerana peserta kajian tidak melakukan kesilapan penulisan huruf besar dan huruf kecil semasa menulis perkataan.

Bina ayat berdasarkan kata kerja berikut :

1. Berlari  
Nash suka berlari.
2. Meniup  
Najwa meniup belon sampai pecah.
3. Memancing  
Ali suka memancing.
4. Makan  
Ali suka makan makanan yang sihat.

Rajah 6. Hasil kerja lembaran kerja 7 Nash (19 April 2012).

Lembaran kerja 7 Nash menunjukkan pengurangan kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil semasa menulis perkataan. Nash tidak melakukan sebarang kesilapan dalam menulis huruf besar atau huruf kecil dalam memulakan penulisan perkataan walaupun aras soalan yang terdapat pada lembaran kerja semakin tinggi. Hasil kerja empat lembaran kerja terakhir Nash sudah memadai untuk saya menyimpulkan bahawa objektif kajian penyelidikan tindakan saya tercapai. Ini kerana Nash tidak melakukan kesilapan penulisan huruf besar dan huruf kecil semasa menulis perkataan untuk keempat-empat lembaran kerja terakhir tersebut. Rajah 7 menunjukkan hasil kerja peserta kajian untuk empat lembaran kerja terakhir tersebut.

Arahan : Tandakan (✓) pada ayat yang menggunakan penggunaan huruf besar atau huruf kecil dengan betul dan tandakan (✗) pada ayat yang menggunakan penggunaan huruf besar atau huruf kecil dengan salah.	Arahan : Bulatkan penggunaan huruf yang salah dalam ayat berikut dan tulis semula ayat tersebut dalam ruangan yang disediakan dengan menggunakan penggunaan huruf yang betul.																																															
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="198 595 569 620">No</th> <th data-bbox="569 595 679 620">Ayat</th> <th data-bbox="679 595 1170 620">Tandakan (✓) atau (✗)</th> </tr> </thead> <tr> <td>1</td> <td>Pantai tidak pernah berputus asa walaupun pernah gagal dalam peringatannya.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Ya yang melahirkan hai hatinya untuk malam gadis itu kepada ibunya.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Alang sanggup bersempang mata untuk memonton siaran langsung pertandingan bola sepak itu.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Fatimah dan harun pernah ber cinta suatu masa dahulu.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan damai serta mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Digi Gombak akan berpindah ke Johor pada hujung bulan ini.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>7</td> <td>Pakob itu limbang sibak daripada angin kencang petang semalam.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>8</td> <td>Layang-layang itu terangkut pada dahan pokok.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>9</td> <td>Doktor sedang memeriksa keadaan pesakit itu.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>10</td> <td>Lambat-lau raihah itu pasti akan terangkut juga.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>11</td> <td>Banyak anjing yang berkelirah di kawasan itu.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>12</td> <td>Pengawal itu melarang kami bertolak blang semasa pertunjukan.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>13</td> <td>Pembatal secara mendak dipalakan sepanjang minggu unit beruniform.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>14</td> <td>Pameran Hasil Kerja itu mendapat sambutan hangat oleh pihak sekolah.</td> <td>✗</td> </tr> <tr> <td>15</td> <td>Adalah Peraklah Bulan Sabit Merah itu menunjukkan demonstrasi rawatan kesihatan.</td> <td>✗</td> </tr> </table>	No	Ayat	Tandakan (✓) atau (✗)	1	Pantai tidak pernah berputus asa walaupun pernah gagal dalam peringatannya.	✗	2	Ya yang melahirkan hai hatinya untuk malam gadis itu kepada ibunya.	✗	3	Alang sanggup bersempang mata untuk memonton siaran langsung pertandingan bola sepak itu.	✗	4	Fatimah dan harun pernah ber cinta suatu masa dahulu.	✗	5	Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan damai serta mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.	✗	6	Digi Gombak akan berpindah ke Johor pada hujung bulan ini.	✗	7	Pakob itu limbang sibak daripada angin kencang petang semalam.	✗	8	Layang-layang itu terangkut pada dahan pokok.	✗	9	Doktor sedang memeriksa keadaan pesakit itu.	✗	10	Lambat-lau raihah itu pasti akan terangkut juga.	✗	11	Banyak anjing yang berkelirah di kawasan itu.	✗	12	Pengawal itu melarang kami bertolak blang semasa pertunjukan.	✗	13	Pembatal secara mendak dipalakan sepanjang minggu unit beruniform.	✗	14	Pameran Hasil Kerja itu mendapat sambutan hangat oleh pihak sekolah.	✗	15	Adalah Peraklah Bulan Sabit Merah itu menunjukkan demonstrasi rawatan kesihatan.	✗
No	Ayat	Tandakan (✓) atau (✗)																																														
1	Pantai tidak pernah berputus asa walaupun pernah gagal dalam peringatannya.	✗																																														
2	Ya yang melahirkan hai hatinya untuk malam gadis itu kepada ibunya.	✗																																														
3	Alang sanggup bersempang mata untuk memonton siaran langsung pertandingan bola sepak itu.	✗																																														
4	Fatimah dan harun pernah ber cinta suatu masa dahulu.	✗																																														
5	Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan damai serta mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.	✗																																														
6	Digi Gombak akan berpindah ke Johor pada hujung bulan ini.	✗																																														
7	Pakob itu limbang sibak daripada angin kencang petang semalam.	✗																																														
8	Layang-layang itu terangkut pada dahan pokok.	✗																																														
9	Doktor sedang memeriksa keadaan pesakit itu.	✗																																														
10	Lambat-lau raihah itu pasti akan terangkut juga.	✗																																														
11	Banyak anjing yang berkelirah di kawasan itu.	✗																																														
12	Pengawal itu melarang kami bertolak blang semasa pertunjukan.	✗																																														
13	Pembatal secara mendak dipalakan sepanjang minggu unit beruniform.	✗																																														
14	Pameran Hasil Kerja itu mendapat sambutan hangat oleh pihak sekolah.	✗																																														
15	Adalah Peraklah Bulan Sabit Merah itu menunjukkan demonstrasi rawatan kesihatan.	✗																																														

 - Pantai tidak pernah berputus asa walaupun pernah gagal dalam peringatannya. *Pantai tidak pernah berputus asa walaupun pernah gagal dalam peringatannya.* - Fatimah dan harun pernah ber cinta suatu masa dahulu. *Fatimah dan harun pernah ber cinta suatu masa dahulu.* - Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan damai serta mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. *Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan damai serta mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.* - Layang-layang itu terangkut pada dahan pokok. *Layang-layang itu terangkut pada dahan pokok.* - Banyak anjing yang berkelirah di kawasan itu. *Banyak anjing yang berkelirah di kawasan itu.* - Pameran Hasil Kerja itu mendapat sambutan hangat oleh pihak sekolah. *Pameran hasil kerja itu mendapat sambutan hangat oleh pihak sekolah.* - Syamer berasa takut apabila tinggal bersendirian di rumah. *Syamer berasa takut apabila tinggal bersendirian di rumah.* || **Buah-Buahan Tempatan**  Tahukah anda bahawa buah-buahan tempatan merupakan buah yang paling berkhasiat bagi membekalkan vitamin dan mineral kepada tubuh manusia?  Buah tempatan berfungsi untuk menurunkan paras kolestrol dalam darah manusia dan amat bagus sekiranya dimakan setiap hari. Antara buah-buahan tempatan ialah nenas, betik, jambu batu, pisang, ciku, lapan, rambutan, belimbing, dan tembikai. Kesemua jenis buah-buahan ini ada terdapat di Malaysia. Harga buah-buahan ini murah sahaja dan mudah didapati. Namun pengeluar buah-buahan akan memilih buah-buahan tempatan berbanding buah luar negara.  Nah ini kerana, buah luar negara kurang khaliatnya berbanding buah tempatan. Malah tempatan, buah luar negara juga ada dijual di Malaysia, blueberry dan buah kiwi.  Soalan :   - Apakah khasiat yang dibekalkan oleh buah-buahan tempatan? *Khasiat yang dibekalkan oleh buah-buahan tempatan ialah vitamin, ciku, pisang.* - Apakah fungsi buah tempatan? *Fungsi buah tempatan ialah untuk menurunkan paras kolestrol dalam darah manusia.* - Apakah contoh buah tempatan? Sebutkan tiga buah negara yang ditunjukkan dalam gambar. *Antara contoh buah tempatan ialah nenas, betik, jambu batu, pisang, ciku, lapan, rambutan, belimbing dan tembikai.* - Buah apakah yang digemai oleh pengeluar buah? *Buah-buahan tempatan yang digemai oleh pengeluar buah.* - Apakah contoh buah luar Negara? *Contoh buah luar Negara ialah epal, strawberi, anggur, ceri, blueberry dan buah kiwi.* | Tuliskan lima (5) ayat lengkap tentang situasi yang terdapat dalam gambar di atas.   - Minah dan keluarganya pergi melawat ke Kota "A" Pomsa.* - Dua orang wanita sedang meminati payung berarna sucor hari itu sangat panas.* - Amma orang yang bekerja di sekitar Kota "A" Pomsa.* - Pesaki beritanya bersih dan cantik. Memunculkan di situ sangat nyaman.* - Minah dan keluarganya berasa sangat gembira apabila kerana telah melawat ke Kota "A" Pomsa.* |

Rajah 7. Hasil kerja peserta kajian untuk empat lembaran kerja terakhir (23 - 26 April 2012).


Berdasarkan hasil analisis kajian ini, teknik “2P” ini bukan sahaja dapat mengatasi kesilapan menulis huruf besar atau huruf kecil Nash. Malah Nash telah menulis dengan kemas. Ini dapat dilihat melalui penulisan huruf “t” kecil Nash pada ke empat-empat lembaran kerja terakhir berbanding sebelumnya seperti yang ditunjukkan pada Rajah 7. Kesan pemadaman hasil kerja peserta kajian berkurangan pada keempat-empat lembaran kerja terakhir kerana Nash membuat lembaran kerja dengan berhati-hati. Perkara ini menyebabkan hasil kerja Nash semakin kemas. Kesimpulannya teknik “2P” berjaya mengatasi kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil dalam membina ayat Bahasa Melayu Nash.

- **Bagaimanakah penggunaan teknik “2P” berbantuan variasi lembaran kerja menambah baik amalan sendiri dalam pengajaran huruf besar dan huruf kecil semasa membina ayat Bahasa Melayu?**

Banyak yang telah saya pelajari sepanjang melaksanakan penyelidikan tindakan ini. Saya telah menyedari bahawa terdapat banyak kelemahan kaedah pengajaran saya sebelum ini. Hal ini kerana, kaedah pengajaran saya sebelum ini bercorak biasa yang menegur kesilapan murid secara lisan sahaja tanpa memikirkan kaedah lain.

Hubungan saya dengan murid menjadi lebih erat sewaktu pelaksanaan penyelidikan tindakan ini. Saya telah menganggap Nash seperti adik sendiri. Lembaran kerja yang berkonsepkan ansur maju telah dirangka oleh saya semasa menjalani penyelidikan tindakan ini. Sebelum ini, corak lembaran kerja yang saya sediakan selalunya hanya menjawab soalan pemahaman berdasarkan aktiviti pengajaran hari tersebut dengan menulis jawapan di ruang yang disediakan. Lembaran kerja bervariasi berkonsepkan ansur maju telah dipilih untuk penyelidikan tindakan ini. Lembaran kerja tersebut merangkumi aktiviti mengisi tempat kosong, menyusun perkataan, mencari kesalahan, membina ayat dan menjawab soalan pemahaman. Kesemua variasi lembaran kerja ini telah dihasilkan agar bersesuaian dengan isi pengajaran hari tersebut.

Kemahiran membuat soalan secara tidak langsung telah saya perolehi sepanjang membuat lembaran kerja ini. Semasa murid membuat lembaran kerja, saya telah menggalakkan mereka supaya bertanya dengan mengangkat tangan jika mereka keliru penggunaan huruf besar atau kecil serta tidak faham soalan yang dikemukakan dalam kertas lembaran kerja. Strategi ini mempunyai hubung kait dengan strategi berpusatkan murid iaitu terdapat unsur komunikasi dua hala antara guru dan murid. Rajah 5 menunjukkan Nash mengangkat tangan untuk bertanyakan soalan berkaitan dengan kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil.



Rajah 5. Nash mengangkat tangan untuk menanya soalan.

Seterusnya, saya tidak lagi merasa kekok untuk berbincang dengan rakan-rakan guru sama ada guru sesama praktikum atau guru sekolah. Hal ini kerana, semangat untuk mengatasi masalah peserta kajian telah mengikis perasaan kekok dalam diri saya. Saya selalu bertanya dengan guru-guru bagaimana mengendalikan proses P&P yang berkesan.

## **REFLEKSI**

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Melalui penyelidikan tindakan ini banyak pengalaman dan pengetahuan baharu yang telah saya peroleh dan ini telah menambah baik amalan sendiri dalam proses P&P. Hal ini kerana, sewaktu merancang, banyak rujukan diperlukan. Rujukan di sini bukan sekadar rujukan buku malah melalu laman sesawang dan merujuk guru-guru yang berpengalaman.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

- **Amalan profesional saya sebagai seorang bakal guru**

Bagi perkembangan amalan profesional sebagai bakal guru, saya telah banyak mempelajari kaedah atau teknik pengajaran berkesan melalui penyelidikan tindakan ini. Penyelidikan tindakan ini telah menerapkan semangat untuk memberikan yang terbaik kepada murid-murid saya suatu hari nanti. Saya haruslah mencari dan mengenal pasti masalah yang sering dihadapi oleh murid-murid saya supaya mereka dapat menjadi murid yang terbaik.

Sewaktu penghasilan penyelidikan tindakan ini, saya telah mengenal pasti masalah untuk fokus kajian saya. Secara tidak langsung saya telah dapat mengatur strategi untuk membantu peserta kajian saya. Memandangkan peserta kajian saya seorang yang mudah lalai, teknik yang telah saya gunakan ialah teknik “2P” untuk membantunya mengatasi kesilapan menulis huruf besar dan huruf kecil dalam meminat ayat Bahasa Melayu.

- **Amalan profesional saya sebagai seorang penyelidik**

Dalam mengenal pasti masalah atau isu, perkara yang pertama kali dilihat ialah data-data awal. Melalui data-data awal ini sesuatu masalah dapat dikenal pasti. Data-data awal ini boleh dikesan melalui hasil kerja murid-murid. Walau bagaimanapun data-data awal ini mestilah perkara yang berulang kerana dikhuatiri itu merupakan kesilapan yang tidak disengajakan. Selain itu, setelah mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh peserta kajian rancangan ataupun pelan tindakan hendaklah bersesuaian. Pelan tindakan ini hendaklah disokong oleh tinjauan literatur atau kajian lepas. Disamping itu, dalam penyelidikan tindakan, etika penyelidikan harus diambil perhatian untuk mengelak sesuatu perkara yang tidak diigini berlaku. Maklumat berkaitan dengan peserta kajian dirahsiakan dan kebenaran bertulis perlu diperoleh sebelum melakukan sebarang tindakan.

### **Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya**

Walaupun saya berpuas hati dengan hasil penyelidikan tindakan ini, saya masih dalam keadaan tertanya-tanya iaitu “Adakah peserta kajian saya masih mengulangi kesilapan yang sama jika teknik “2P” ini tidak diaplikasikan?” Untuk itu, jika saya berkesempatan untuk meneruskan penyelidikan tindakan tentang isu tulisan ke atas peserta kajian yang sama, saya akan memberikan lebih banyak variasi lembaran kerja. Sebagai tindakan lanjut, jika peserta kajian masih sama melakukan kesilapan, teknik “2P” ini hendaklah digandakan. Seterusnya, peserta kajian digalakkan untuk bertanya sama ada menggunakan huruf besar atau huruf kecil digunakan jika mengalami kekeliruan. Sebagai guru Bahasa Melayu, saya akan sentiasa mengingatkan murid-murid saya teknik penggunaan huruf yang betul semasa menulis perkataan sebelum membuat penulisan.

## **BIBLIOGRAFI**

- Burhuss F. Skinner. (1951). *Perspektif Behaviorisme dan Pembelajaran Teori Pelaziman Operan (Skinner)*. Diperoleh pada 13 Mac 2012 daripada <http://peoplelearn.homestead.com/psychlearncontent2c.html>
- Elliott, J & Adelman. (1976). *Konsep Kajian Penyelidikan Tindakan*. Diperoleh pada 23 Mac 2012 daripada [http://www.reocities.com/jpmmpks/sumber.kt\\_konsep](http://www.reocities.com/jpmmpks/sumber.kt_konsep)
- Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir. (2011). *Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia